



DE 14.8.2017 5

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berhasrat untuk menjalin kerjasama rapat dengan Universiti Kindai Jepun dalam pelbagai bidang menurut Naib Canselor UMS, Prof Dr. D Kamarudin D Mudin semasa satu mesyuarat dengan rombongan Universiti Kindai Jepun diketuai pendaftaranya, Hiroyasu Tsuji di bilik mesyuarat Universiti itu, baru-baru ini. Beliau berkata kerjasama sedia ada di antara kedua-dua pihak sejak 2002 boleh dibawa tahap lebih tinggi. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Dr. Ismail Ali dan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS Prof Dr. Rossita Shapawi.